

AKTIVITI : MAJLIS PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)
ANTARA INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN) DENGAN
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK (JMNPk)

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

RINGKASAN AKTIVITI

Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara INSTUN dengan JMNPk telah diadakan pada jam 11.00 pagi, 17 Oktober 2018 (Rabu) bersamaan 8 Safar 1440H, bertempat di Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK), Blok Akademik C, INSTUN. Majlis ini dikendalikan oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), INSTUN dan dimeterai selepas usainya majlis perasmian sempena Seminar Falak Nusantara 2018 atau *Southeast Asia-Regional Astronomy Seminar 2018 (SARAS 2018)* anjuran kerjasama INSTUN, JMNPk dan Universiti Malaya (UM) yang dijalankan serentak pada hari yang sama. Majlis bersejarah yang ringkas tetapi penuh bermakna tersebut disempurnakan oleh YBhg. Sahibus Samahah (SS) Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria (Mufti Kerajaan Negeri Perak) dan YBr. Puan Norehan binti Omar (Pengarah INSTUN) serta disaksikan oleh Timbalan Mufti Negeri Perak iaitu Tuan Haji Zamri bin Hashim serta Pendaftar INSTUN iaitu Encik Anis Zaihasmy bin Zainal Abidin.

Dengan pemeteraian MoU ini, INSTUN dan JMNPk akan berusaha untuk mengambil langkah perlu untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang-bidang yang berikut:-

- a) perkongsian maklumat dan kepakaran bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan pembangunan modal insan dalam bidang ilmu Falak;
- b) penyertaan bersama dalam melaksanakan kursus berkaitan bidang falak syarie; dan
- c) menjalankan apa-apa bentuk kerjasama yang lain dalam bidang falak syarie seperti mana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dari semasa ke semasa.

Selain itu, pemeeteraian MoU secara rasmi tersebut dapat merancakkan lagi kerjasama yang telah sedia wujud sebelum ini serta membuka ruang yang lebih luas melalui pelbagai program yang telah dan bakal dirancang. Semoga MoU ini dapat mewujudkan suatu “*win-win situation*” untuk kedua-dua pihak serta pihak INSTUN akan memberikan komitmen sepenuhnya bagi menjayakan segala perancangan aktiviti dan program sepanjang tempoh MoU ini berkuat kuasa.

Sehubungan dengan itu, MoU yang telah ditandatangani adalah merupakan satu simbol komitmen antara kedua-dua organisasi yang bersetuju untuk memperkukuh, menggalakkan dan membangunkan kerjasama dalam bidang latihan, penyelidikan, pembangunan serta promosi dalam bidang ilmu Falak antara kedua-dua pihak bagi faedah bersama.



Gambar 1: YBhg. SS Mufti Kerajaan Negeri Perak dan Pengarah INSTUN bertukar dokumen MoU.



Gambar 2: YBhg. SS Mufti Kerajaan Negeri Perak dan Pengarah INSTUN sedang ditemuramah oleh wartawan mengenai kepentingan jalinan MoU antara INSTUN – JMNPk serta isu semasa yang berkaitan.



Gambar 3: Urus setia INSTUN bergambar kenangan bersama dengan YBhg. SS Mufti, YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin (Pengarah Jabatan Agama Islam Perak) serta delegasi daripada JMNPk.

11:01 3%

Sinar

NASIONAL

Tangani budaya maksiat termasuk LGBT menerusi pendidikan

NOOR AINON MOHAMED YUSOF
17 OKTOBER 2018



Harussani (kiri) menandatangani memorandum persetujuan antara Institut Tanah dan Ukur Negara - Jabatan Mufti Perak, hari ini.

Largest in MY and SG
Up to 90% Off Bus Tickets. Leading Site in SG & MY. Book
www.easybook.com **BUKA**

6 SHARES

f t e w +

11:00 3%

NEW STRAITS TIMES

Curb immoral activities through education: Perak Mufti

OCTOBER 17, 2018 @ 10:34PM
BY BERNAMA



Perak Mufti Tan Sri Harussani Zakaria said although laws against immoral activities were already in place, most of them are not being enforced. (NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI)

TANJUNG MALIM: The rise of immoral activities and the trend involving lesbian, gay, bisexual or transgender (LGBT) in the country must be addressed wisely through education and a strong religious foundation.

Tangani budaya maksiat menerusi pendidikan

TANJUNG MALIM – Peningkatan budaya maksiat termasuk lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di negara ini perlu ditangani secara bijak melalui asas pendidikan bermula daripada ibu bapa.

Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria (**gambar**) berkata, masalah sosial tersebut bukanlah perkara baharu dan sudah ada undang-undang bagi mencegahnya namun masih banyak yang tidak dilaksanakan.

"Undang-undang yang ada sekarang ini alhamdulillah (baik), tetapi itu pun banyak yang tidak terlaksana lagi. Jadi apa yang penting adalah asas pendidikan.

"Ibu adalah guru, bapa adalah asas membangunkan manusia. Justeru perlu dididik daripada rumah terlebih dahulu oleh ibu bapa dengan asas agama dan ahlak," katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas menandatangani Pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Institut Tanah dan Ukur Negara dengan Jabatan Mufti Negeri Perak di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Mufti Perak, Zamri Hashim; Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, Datuk Mohd. Yusop Husin dan Pengarah Instun, Norehan Omar.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penganjuran pesta arak Oktoberfest dan terbaharu, penganjuran sesi bertemu peminat ikon LGBT Thailand yang telah dibatalkan di mana ia dijadualkan berlangsung di Muzium Negara pada 20 Oktober ini. – Bernama

Gambar 4: Artikel berita *on-line* daripada Akhbar Sinar Harian, New Straits Times dan Utusan Malaysia (sumber: BERNAMA) bertarikh 17 Oktober 2018 memaparkan pemeteraian MoU antara INSTUN dengan JMNPk.